



Ruj. Kami: KKM.500-6/4/2 JLD.2 ( 68 )

Tarikh: // April 2017

## **SENARAI EDARAN**

YBhg. Datuk / Dato' / Datin /To' Puan/ Tuan / Puan,

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA, KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA, BIL.8/2017**

**PELAKSANAAN PROGRAM KOSPEN PLUS BAGI ANGGOTA KEMENTERIAN  
KESIHATAN MALAYSIA**

---

### **1. TUJUAN :**

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk memberi penerangan pelaksanaan Program KOSPEN Plus bagi semua anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) demi memastikan kesihatan anggota KKM terjaga melalui skop-skop yang di sediakan.
- 1.2 Bagi tujuan penjenamaan semula dan pertukaran Program WAWP (Warga Aktif Warga Produktif) kepada Program KOSPEN Plus (Komuniti Sihat Perkasa Negara).

### **2. LATAR BELAKANG**

- 2.1 KKM bertanggungjawab terhadap kesihatan rakyat Malaysia yang turut meliputi anggota KKM. Seperti keperluan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, KKM sebagai majikan juga mempunyai tanggungjawab untuk menjaga keselamatan, kesihatan dan kebajikan anggotanya.

- 2.2 Anggota KKM merupakan aset KKM yang utama dan perlu dijaga untuk memastikan produktiviti yang optima dalam perkhidmatan KKM. Anggota KKM juga merupakan model kepada warga kerja bagi agensi awam dan swasta yang lain dalam membudayakan cara hidup sihat.
- 2.3 Warga KKM yang sihat boleh dicapai dengan memperkasakan kakitangan KKM dalam membudayakan amalan gaya hidup sihat dan penjagaan sendiri kesihatan serta mewujudkan persekitaran yang menggalakkan anggota KKM membuat pilihan positif dalam mengamalkan tingkahlaku sihat dalam aktiviti harian tanpa menjejaskan produktiviti masing-masing.
- 2.4 Sehubungan itu, Program KOSPEN Plus merupakan pendekatan agresif promosi dan intervensi kesihatan dalam menangani faktor risiko penyakit NCD di kalangan warga KKM dan wajib dilaksanakan di semua fasiliti KKM.

### **3. TINDAKAN**

- 3.1 Semua Setiausaha Bahagian/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Kesihatan Negeri/ Pengarah Institusi & Agensi/ Pegawai Kesihatan Daerah/ Pengarah Hospital/ Pengarah Makmal Kesihatan Awam dan Pengarah Kolej bertanggungjawab untuk melaksanakan Program KOSPEN Plus di organisasi masing-masing mengikut garis panduan yang disediakan oleh Unit Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Kawalan Penyakit, KKM.
- 3.2 Aktiviti ini akan diselaraskan oleh Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KPAS) Negeri yang bertanggungjawab memastikan pelaksanaan Program KOSPEN Plus. Sementara itu, pasukan iNCD negeri dan daerah adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan sesi latihan Program KOSPEN Plus di tempat kerja.

- 3.3 Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar hendaklah memantau pelaksanaan Program KOSPEN Plus berterusan bagi memastikan kesihatan anggota KKM sentiasa berada pada tahap yang optima.
- 3.4 Program KOSPEN Plus di KKM seharusnya menjadi model kepada agensi awam dan swasta. Oleh itu, Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam sekitar perlu juga mempromosikan dan memantau pelaksanaan Program KOSPEN Plus yang dijalankan di agensi bukan KKM.

#### **4. PELAKSANAAN**

- 4.1 Program KOSPEN Plus perlu dilaksanakan di semua fasiliti KKM.
- 4.2 Semua anggota KKM perlu menjalani saringan untuk penyakit tidak berjangkit serta mengikuti aktiviti promosi dan intervensi kesihatan yang disarankan.
- 4.3 Jawatankuasa Pelaksana dan Jawatankuasa Pemantauan serta Penyelaras program perlu diwujudkan di semua fasiliti untuk melaksanakan program tersebut. Sesi latihan perlu diadakan untuk anggota jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.
- 4.4 Sumber kewangan bagi program perlu disediakan oleh PTJ masing-masing.
- 4.5 Aktiviti program perlu dilaksanakan secara berterusan. Anggota yang dikesan mempunyai masalah kesihatan perlu dirujuk untuk pengesahan dan intervensi yang ditetapkan.
- 4.6 Bagi memastikan keseragaman program, sila rujuk Tatacara Pelaksanaan Program KOSPEN Plus, Intervensi Faktor Risiko Penyakit Tidak Berjangkit (NCD) Di Tempat Kerja Edisi 2, 2017.

## **5. PEMANTAUAN**

- 5.1 Reten bulanan menggunakan format /K Plus/ 2017/01-06 perlu dihantar oleh fasiliti kepada Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri.
- 5.2 Bagi aktiviti di Bahagian Ibu Pejabat reten bulanan menggunakan format /K Plus/ 2017/01-06 perlu dihantar ke Unit Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Kawalan Penyakit.
- 5.3 Ketua Unit Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan Negeri perlu menghantar reten bulanan menggunakan format /K Plus/ 2017/01-06 ke Unit Kesihatan Pekerjaan, Bahagian Kawalan Penyakit, Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 2, Blok E3, Kompleks E, 62590 Putrajaya.

## **6. KERAHSIAAN**

Semua Setiausaha Bahagian/ Pengarah Bahagian/ Pengarah Kesihatan Negeri/ Pengarah Institusi & Agensi/ Pegawai Kesihatan Daerah/ Pengarah Hospital/ Pengarah Makmal Kesihatan Awam dan Pengarah Kolej adalah bertanggungjawab untuk memastikan isu kerahsiaan daripada aktiviti saringan dipatuhi sepenuhnya pada setiap masa.

## 7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan mengenai pekeliling ini hendaklah dikemukakan kepada:

Pengarah Kawalan Penyakit  
Bahagian Kawalan Penyakit  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 3, Blok E 10, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-8892 4421  
No. Faks : 03-8892 4526

(u.p.:Ketua Penolong Pengarah Kanan,  
Unit Kesihatan Pekerja)

## 8. TARIKH PELAKSANAAN

Pelaksanaan pekeliling ini adalah berkuatkuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.



(DATO' SERI DR. CHEN CHAW MIN)

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

Semua Setiausaha Bahagian

Semua Pengarah Bahagian Kanan

Semua Pengarah Bahagian

Semua Pengarah Kesihatan Negeri / Wilayah Persekutuan

Semua Pengarah Institusi dan Agensi

Semua Pengarah Kolej

Semua Pengarah Makmal Kesihatan Awam